JUZU' KE-28

SURAH AT-TAHRIM

SURAH KE

66

سُورَةُ التَّحْرِيمِ

SURAH AT-TAHRIM

Surah Pengharaman

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

12

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَۖ تَبۡتَغِي مَرۡضَاتَ أَزۡوَٰجِكَۚ
وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ١

قَدۡ فَرَضَ ٱللَّهُ لَكُمۡ تَحِلَّةَ أَيۡمَٰنِكُمۡۚ وَٱللَّهُ مَوۡلَىٰكُمۡۖ وَهُوَ ٱلۡعَلِيمُ
ٱلۡحَكِيمُ ٢

وَإِذۡ أَسَرَّ ٱلنَّبِيُّ إِلَىٰ بَعۡضِ أَزۡوَٰجِهِۦ حَدِيثٗا فَلَمَّا نَبَّأَتۡ بِهِۦ
وَأَظۡهَرَهُ ٱللَّهُ عَلَيۡهِ عَرَّفَ بَعۡضَهُۥ وَأَعۡرَضَ عَنۢ بَعۡضٖۖ فَلَمَّا
نَبَّأَهَا بِهِۦ قَالَتۡ مَنۡ أَنۢبَأَكَ هَٰذَاۖ قَالَ نَبَّأَنِيَ ٱلۡعَلِيمُ
ٱلۡخَبِيرُ ٣

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدۡ صَغَتۡ قُلُوبُكُمَاۖ وَإِن تَظَٰهَرَا
عَلَيۡهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ مَوۡلَىٰهُ وَجِبۡرِيلُ وَصَٰلِحُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَۖ
وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ بَعۡدَ ذَٰلِكَ ظَهِيرٌ ٤

عَسَىٰ رَبُّهُۥٓ إِن طَلَّقَكُنَّ أَن يُبۡدِلَهُۥٓ أَزۡوَٰجًا خَيۡرٗا مِّنكُنَّ
مُسۡلِمَٰتٖ مُّؤۡمِنَٰتٖ قَٰنِتَٰتٖ تَٰٓئِبَٰتٍ عَٰبِدَٰتٖ سَٰٓئِحَٰتٖ
ثَيِّبَٰتٖ وَأَبۡكَارٗا ٥

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَأَهۡلِيكُمۡ نَارٗا
وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلۡحِجَارَةُ عَلَيۡهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٞ
شِدَادٞ لَّا يَعۡصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمۡ وَيَفۡعَلُونَ مَا يُؤۡمَرُونَ ٦

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَا تَعۡتَذِرُواْ ٱلۡيَوۡمَۖ إِنَّمَا تُجۡزَوۡنَ
مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٧

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ تُوبُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ تَوۡبَةٗ نَّصُوحًا
عَسَىٰ رَبُّكُمۡ أَن يُكَفِّرَ عَنكُمۡ سَيِّـَٔاتِكُمۡ وَيُدۡخِلَكُمۡ
جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ يَوۡمَ لَا يُخۡزِي ٱللَّهُ
ٱلنَّبِيَّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥۖ نُورُهُمۡ يَسۡعَىٰ بَيۡنَ
أَيۡدِيهِمۡ وَبِأَيۡمَٰنِهِمۡ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَتۡمِمۡ لَنَا نُورَنَا
وَٱغۡفِرۡ لَنَآۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٨

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ جَٰهِدِ ٱلۡكُفَّارَ وَٱلۡمُنَٰفِقِينَ وَٱغۡلُظۡ
عَلَيۡهِمۡۚ وَمَأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمَصِيرُ ٩

ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلٗا لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ ٱمۡرَأَتَ نُوحٖ وَٱمۡرَأَتَ
لُوطٖۖ كَانَتَا تَحۡتَ عَبۡدَيۡنِ مِنۡ عِبَادِنَا صَٰلِحَيۡنِ
فَخَانَتَاهُمَا فَلَمۡ يُغۡنِيَا عَنۡهُمَا مِنَ ٱللَّهِ شَيۡـٔٗا وَقِيلَ
ٱدۡخُلَا ٱلنَّارَ مَعَ ٱلدَّٰخِلِينَ ١٠

وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلٗا لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱمۡرَأَتَ
فِرۡعَوۡنَ إِذۡ قَالَتۡ رَبِّ ٱبۡنِ لِي عِندَكَ بَيۡتٗا فِي
ٱلۡجَنَّةِ وَنَجِّنِي مِن فِرۡعَوۡنَ وَعَمَلِهِۦ وَنَجِّنِي مِنَ
ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ١١

وَمَرۡيَمَ ٱبۡنَتَ عِمۡرَٰنَ ٱلَّتِيٓ أَحۡصَنَتۡ فَرۡجَهَا
فَنَفَخۡنَا فِيهِ مِن رُّوحِنَا وَصَدَّقَتۡ بِكَلِمَٰتِ رَبِّهَا
وَكُتُبِهِۦ وَكَانَتۡ مِنَ ٱلۡقَٰنِتِينَ ١٢

"Wahai Nabi! Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu kerana hendak mencari keredhaan isteri-isterimu? Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(1). Sesungguhnya Allah telah memfardhukan ke atas kamu membebaskan diri dari sumpah-sumpah kamu (dengan membayar kifarat). Dan Allah itu adalah Penaung kamu dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(2). Dan kenangilah ketika Nabi merahsiakan suatu percakapan kepada salah seorang dari isteri-isterinya (iaitu Hafsah), kemudian apabila isteri itu menceritakan rahsia itu kepada isterinya yang lain (iaitu Aisyah), maka Allah telah menyatakan kebocoran rahsia itu kepada Nabi, lalu Nabi pun menerangkan kepadanya (Hafsah) sebahagian dari rahsia yang telah dibocorkannya itu dan tidak menerangkan sebahagian yang lain. Apabila Nabi menceritakan hal itu kepadanya (Hafsah), dia pun bertanya: Siapakah yang telah menceritakan hal ini kepada anda? Jawab Nabi: Aku telah diberitakan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar(3). Jika kamu berdua (wahai Hafsah dan Aisyah) bertaubat kepada Allah, (maka itulah yang sewajarnya kepada kamu) kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah menyeleweng (dari keikhlasan), dan jika kamu berdua berpakat untuk menyusahkan Nabi, maka Allahlah yang menjadi Pelindungnya, juga Jibril dan orang-orang Mu'min yang salih, dan selain dari itu para malaikat sekalian juga turut menjadi penolongnya (4). Andainya Nabi menceraikan kamu mungkin Tuhannya akan menggantikan kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik dari kamu iaitu isteri-isteri yang patuh, beriman, ta'at, sentiasa bertaubat, kuat beribadat dan menjelajah memikirkan kejadian-kejadian Allah, yang terdiri dari janda-janda dan dara-dara sunti(5). Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu, dan yang menguasainya ialah malaikat-malaikat yang kasar dan bengis, mereka tidak menderhakakan Allah dalam segala tugas yang diperintahkan kepada mereka dan mereka melaksanakan segala apa yang disuruhkan kepada mereka(6). Wahai orang-orang yang kafir! Janganlah kamu meminta maaf pada hari ini. Sesungguhnya kamu hanya dibalas mengikut amalan yang telah dilakukan kamu(7). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubat-lah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha semoga Tuhan kamu menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai pada hari Allah tidak akan mengecewakan Nabi dan orang-orang yang beriman yang bersama-sama dengannya. Cahaya keimanan mereka menerangi di hadapan dan di kanan mereka, sedangkan mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah untuk kami cahaya keimanan kami dan ampunkan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(8). Wahai Nabi! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan bertindaklah dengan keras terhadap mereka. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(9). Allah telah mengemukakan satu contoh perbandingan untuk orang-orang kafir iaitu contoh isteri Nuh dan isteri Lut, kedua-duanya berada di bawah jagaan dua orang hamba dari para hamba Kami yang salih, lalu kedua-duanya mengkhianati suami mereka masing-masing, dan kedua-dua suami itu tidak dapat memberi apa-apa pertolongan kepada mereka dari 'azab Allah, malah dikatakan kepada mereka: Masuklah kamu (ke dalam Neraka) bersama-sama mereka yang masuk itu(10). Dan Allah telah mengemukakan satu contoh perbandingan untuk orang-orang yang beriman iaitu contoh perempuan Fir'aun ketika dia berdo'a:Wahai Tuhanku! Binakanlah untukku sebuah rumah dalam Syurga dan selamatkanku dari Fir'aun dan perbuatan-perbuatannya dan selamatkanku dari kaum yang zalim(11). Dan Maryam puteri 'Imran (bonda Isa) yang telah memelihara kehormatannya, lalu Kami tiupkan ke dalam rahimnya roh dari ciptaan Kami. Dan dia telah mengakui kebenaran kalimah-kalimah Tuhannya dan kitab-kitab-Nya dan dia adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang ta'at"(12).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Apabila taqdir Allah menghendaki untuk menjadikan Islam sebagai agama yang terakhir dan menjadikan sistem hidup Ilahi itu sebagai sistem hidup yang kekal hingga Qiamat, dan menjadikan kehidupan orang-orang yang beriman kepada-Nya itu berlangsung mengikut undang-undang umum alam buana, dan menjadikan agama Islam ini agama yang memimpin kehidupan umat manusia yang merangkumi segala kegiatan hidup mereka di semua bidang.

Apabila taqdir Allah menghendaki semua itu, maka Dia telah menjadikan agama ini dalam bentuknya yang ada sekarang ini, iaitu satu bentuk agama yang sempurna, lengkap dan sepadu yang sesuai dengan segala kemampuan-kemampuan manusia dan bakat-bakat kesediaannya dan dalam waktu yang sama Allah meningkatkan kemampuan-kemampuan dan bakat-bakat kesediaan ini ke taraf yang sesuai dengan taraf insan sebagai khalifah Allah di bumi, dan sesuai dengan taraf insan sebagai makhluk yang diutamakan Allah di atas makhluk-makhluk-Nya yang lain dan ditiupkan dalam diri mereka roh dari ciptaan-Nya.

Allah telah menjadikan tabi'at agama ini ialah membawa kehidupan manusia maju ke depan iaitu maju serentak dalam segala aspeknya iaitu aspek kesuburan dan pertambahan bilangan mereka dari aspek kemajuan dan kebersihan jiwa mereka. Agama ini tidak pernah melumpuhkan sebarang tenaga pembina yang ada pada mereka dan tidak pernah menindaskan mana-mana bakat mereka yang berguna, malah ia mempergiatkan semua daya tenaga mereka dan menggerakkan segala bakat dan kesediaan mereka, dan dalam waktu yang sama ia menjaga dan mengawal imbangan di antara gerak maju ke depan dengan gerak meningkat ke taraf yang tinggi dan mulia, iaitu taraf yang menyediakan roh manusia di dunia ini supaya sesuai dengan taraf ni'mat-ni'mat di Akhirat atau menyediakan makhluk insan yang fana di bumi ini untuk kehidupan yang kekal di alam Akhirat yang abadi.

Seluruh Hidup Manusia Mencerminkan Ciri-ciri 'Aqidah Islamiyah

Apabila taqdir Allah telah menjadikan agama Islam sedemikian rupa, maka taqdir Allah juga yang memilih Rasulullah s.a.w. seorang manusia yang terjelma pada dirinya segala ciri dan hakikat agama ini. Oleh itu, peribadi Rasulullah s.a.w. dan seluruh kehidupan beliau merupakan satu salinan yang sebenar dan lengkap bagi sifat-sifat, dan tujuan-tujuan agama ini. Beliau adalah seorang manusia yang sempurna

seluruh tenaga kemanusiaannya, mempunyai tubuh badan yang tegak, kuat dan sihat, mempunyai pancaindera yang sempurna dan mempunyai daya rasa yang segar. Beliau dapat merasakan dengan sempurna segala sesuatu yang dapat dirasakan melalui pancaindera. Dalam waktu yang sama beliau mempunyai perasaan atau sentimen yang amat besar, mempunyai tabi'at yang cergas dan kepekaan yang sempurna, yang dapat meni'mati keindahan, dan mempunyai hati yang terbuka untuk menerima dan menyambut. Dan dalam waktu yang sama juga beliau mempunyai akal yang besar, fikiran yang luas dan kemahuan yang kuat yang dapat menguasai nafsunya. Selain dari kelebihan-kelebihan itu, beliau adalah seorang Nabi yang jiwanya memancar dengan nur yang agung dan rohnya yang mampu menjalani Israk dan Mikraj. Beliau seorang Nabi yang diseru dari langit, seorang Nabi yang melihat nur Tuhannya, seorang Nabi yang hakikat dirinya berhubung dengan hakikat segala sesuatu di alam buana di sebalik berbagai-bagai bentuk rupa dan fenomena-fenomena yang lahir, kerana itu anak-anak batu dan batu yang besar memberi salam kepadanya, dan batang pokok tamar rindukannya dan Bukit Uhud menggigil kerananya. Seluruh tenaga ini bekerja dengan imbangan yang sempurna dalam syakhsiyah Rasulullah s.a.w. iaitu satu perimbangan yang selaras dengan perimbangan 'aqidah di mana beliau dipilih untuk memperjuangkannya.

Kemudian Allah jadikan kehidupan peribadi Rasulullah s.a.w. dan kehidupan umumnya sebagai sebuah kitab yang terbuka kepada umatnya dan kepada manusia seluruhnya. Mereka dapat membaca dari kitab ini gambaran-gambaran agama Islam dan dapat melihat pelaksanaan-pelaksanaannya di alam kenyataan, kerana itu Allah tidak jadikan di dalam seluruh kehidupan Rasulullah s.a.w. sesuatu rahsia yang tersembunyi atau sesuatu tabir yang tertutup, malah sebahagian besar dari gerak laku kehidupannya ditayangkan di dalam Al-Qur'an. Bahagian-bahagian kehidupannya yang biasanya dirahsiakan dalam kehidupan manusia biasa telah didedahkan oleh Al-Qur'an sehingga kepada titik-titik kelemahan manusia yang tidak dapat dielakkan oleh seseorang, malah manusia hampir-hampir dapat melihat tujuannya dari pendedahan bahagian-bahagian kehidupan Rasulullah s.a.w. kepada orang ramai itu.

Tidak ada pada diri Rasulullah s.a.w. sesuatu yang bersifat peribadi, kerana seluruh diri beliau adalah untuk da'wah belaka. Oleh itu, tidak ada ertinya sebahagian dari kehidupannya tinggal tersembunyi atau disembunyikan. Seluruh kehidupan beliau merupakan senario hakikat agama Islam yang dapat dilihat dengan mata, yang amat dekat dan boleh dilaksanakan di alam kenyataan. Kedatangan Rasulullah s.a.w. ialah untuk memaparkan hakikat agama ini pada diri dan kehidupan beliau sendiri, sebagaimana beliau memaparkan hakikat agama ini dengan lidah dan bimbingan-bimbingannya, kerana inilah beliau diciptakan Allah dan kerana inilah beliau datang.

Semua butir-butir kehidupan Rasulullah s.a.w. hingga sekecil-kecilnya telah dihafaz dan dipelihara oleh para Sahabatnya, dan dipindahkan kepada orang-orang yang kemudian dari mereka. Tidak ada gerak laku beliau sama ada kecil atau besar sehingga gerak laku beliau dalam kehidupan biasa tiap-tiap hari yang ditinggalkan mereka tanpa dicatat dan dipindahkan kepada orang-orang yang kemudian. Ini juga sebahagian dari perancanaan Allah S.W.T. untuk merakamkan kehidupan Rasulullah s.a.w. atau merakamkan butir-butir hakikat agama ini yang dilaksanakan dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. Catatan-catatan dan rakaman-rakaman ini dilakukan di samping catatan-catatan yang dimuat oleh Al-Qur'an sendiri mengenai tingkahlaku-tingkahlaku beliau yang lain untuk tatapan umat manusia kemudian sehingga Qiamat.

******

Permulaan surah ini menayangkan satu lambaran dari kehidupan rumahtangga Rasulullah s.a.w. dan satu gambaran dari perasaan-perasaan atau emosi-emosi manusia dan reaksi-reaksi yang berlaku di antara setengah-setengah isterinya juga yang berlaku di antara mereka dengan beliau, dan seterusnya mendedahkan kesan-kesan dari ledakan emosi-emosi ini dan tindak balasannya dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. dan kehidupan kelompok Muslimin, juga kesan-kesan dalam bimbingan-bimbingan umum untuk umat Muslimin berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di rumahtangga Rasulullah s.a.w. di antara beliau dengan para isterinya.

Masa yang tepat berlakunya peristiwa-peristiwa yang diisyaratkan oleh surah ini tidaklah begitu jelas, tetapi berdasarkan riwayat-riwayat mengenainya dapatlah dipastikan bahawa peristiwa-peristiwa itu berlaku selepas Rasulullah s.a.w. berkahwin dengan Zainab binti Jahsy.

Rumahtangga Rasulullah s.a.w.

Di sini eloklah kami bentangkan secara ringkas kisah isteri-isteri Rasulullah s.a.w. dan cerita kehidupan rumahtangganya untuk menolong pembaca memahami peristiwa-peristiwa itu dan memahami nas-nas Al-Qur'an yang diturun mengenainya di dalam surah ini. Saringan ini kami buat berdasarkan tulisan al-Imam Ibn Hazm dalam kitabnya " جوامع السيرة" juga berdasarkan sejarah Rasulullah s.a.w. yang ditulis oleh Ibn Hisyam.

Isteri pertama Rasulullah s.a.w. ialah Khadijah binti Khuwaylid. Beliau mengahwininya ketika beliau berusia 25 tahun atau mengikut riwayat yang lain 23 tahun, sementara Khadijah r.a. pula berusia 40 tahun atau lebih. Rasulullah s.a.w. tidak berkahwin dengan perempuan yang lain dari Khadijah r.a. sehingga dia wafat tiga tahun sebelum Hjrah dalam usia 50 tahun.

Selepas wafatnya Khadijah r.a., Rasulullah s.a.w. telah berkahwin dengan Saudah binti Zam'ah r.a. Tidak ada riwayat yang menceritakan bahawa dia seorang perempuan yang cantik atau muda. Dia

hanya janda kepada as-Sakaran ibn 'Amr 'Abdu Syams dari angkatan pertama yang memeluk Islam dan turut berhijrah ke negeri Habsyah. Apabila suaminya meninggal dunia Rasulullah s.a.w. pun mengahwininya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Aisyah r.a. Dia adalah puteri Abu Bakr as-Siddiq r.a. Ketika itu dia masih kecil dan beliau tidak berhubung kelamin dengannya melainkan selepas hijrah ke Madinah. Dia adalah satu-satunya anak dara yang dikahwini Rasulullah s.a.w. dan dia merupakan isteri yang paling disayanginya. Menurut satu cerita dia berusia sembilan tahun semasa berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. dan hidup bersama beliau selama sembilan tahun lima bulan. Beliau wafat meninggalkannya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. berkahwin pula dengan Hafsah binti 'Umar r.a. selepas Hijrah dua tahun beberapa bulan. Dia seorang janda. Beliau mengahwininya setelah bapanya menawarkannya kepada Abu Bakr dan 'Uthman r.a., tetapi tidak mendapat sambutan dari mereka berdua. Kerana itu beliau menjanjikan 'Umar dengan menantu yang lebih baik dari mereka berdua, lalu beliau pun mengahwininya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Zainab binti Khuzaymah. Suaminya yang pertama 'Ubaydah ibn Harith ibn Abdul-Muttalib telah gugur syahid dalam Peperangan Badar. Zainab telah wafat dalam masa hidup Rasulullah s.a.w. Menurut satu cerita, suaminya sebelum berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. ialah Abdullah ibn Jahsy al-Asadi yang gugur syahid dalam Peperangan Uhud, dan mungkin cerita ini lebih hampir.

Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Ummu Salamah janda Abu Salamah yang telah mendapat luka-luka di dalam Peperangan Uhud dan terus menderita dengan luka-luka itu hingga dia meninggal dunia dengan sebabnya. Selepas kematiannya Rasulullah s.a.w. telah mengahwininya dan memelihara semua anak-anaknya dari suaminya Abu Salamah.

Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Zainab binti Jahsy selepas dia kahwinkannya dengan bekas hambanya dan anak angkatnya Zaid ibn al-Harithah. Tetapi kehidupan mereka tidak bahagia, lalu Zaid pun menceraikannya. Kami telah kemukakan ceritanya dalam Surah al-Ahzab juzu' yang kedua puluh satu. Dia seorang wanita yang cantik jelita. Dialah yang dirasakan oleh Aisyah r.a. sebagai seorang isteri Rasulullah yang menandinginya kerana hubungan keturunannya dengan Rasulullah iaitu sepupunya (anak ibu saudaranya) dan kerana kejelitaannya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Juwayriyah binti al-Harith ketua Bani al-Mustaliq, selepas berlakunya Peperangan Bani al-Mustaliq dipertengahan tahun yang keenam hijrah. Ujar Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ja'far ibn az-Zubayr dari 'Urwah ibn az-Zubayr dari Aisyah r.a. katanya: "Apabila Rasulullah s.a.w. membahagi-bahagikan tawanan perang Bani al-Mustaliq, maka Juwayriyah binti al-Harith telah jatuh kepada bahagian as-Thabit ibn Qays ibn as-Syamas atau sepupunya, lalu Juwayriyah sanggup bermukatabah (membayar harga dirinya untuk mendapatkan kemerdekaannya). Dia seorang wanita yang cantik manis yang dapat memikat hati siapa sahaja yang melihatnya. Dia telah datang menemui Rasulullah s.a.w. untuk meminta bantuan menebuskan dirinya." Ujar Aisyah, "Demi Allah, tiba-tiba aku lihat dia berada di pintu bilikku dan aku tidak sukakannya dan aku tahu bahawa Rasulullah s.a.w. akan memandangnya seperti aku memandangnya. Dia pun masuk mengadap Rasulullah s.a.w. dan berkata: 'Wahai Rasulullah! Saya ialah Juwayriyah binti al-Harith ibn Abu Sirar ketua kaumnya. Saya telah ditimpa bala dan anda tentulah tahu perkara ini, saya telah jatuh kepada bahagian ath-Thabit ibn Qays ibn as-Syamas - atau sepupunya - lalu saya sanggup bermukatabah dengannya. Oleh itu, saya datang ke mari untuk meminta bantuan menebuskan diri saya. Sabda beliau, 'Adakah engkau suka mendapatkan sesuatu yang lebih baik dari ini lagi?' Dia bertanya, 'Apa dia, wahai Rasulullah?' Jawab beliau, 'Aku akan bayarkan wang tebusan dan berkahwin denganmu?' Juwayriyah berkata, 'Ya, saya setuju, wahai Rasulullah.'Jawab beliau, 'Baiklah aku setuju,"'

Kemudian Rasulullah berkahwin pula dengan 'Ummu Habibah binti Abu Sufyan selepas Perjanjian Hudaybiyah. Dia seorang wanita Islam yang berhijrah ke negeri Habsyah, dan di sana suaminya Abdullah ibn Jahsy telah murtad iaitu balik semula kepada agama Kristian dan meninggalkannya, lalu Nabi s.a.w. meminangnya dan Najasyi Seri Maharaja negeri Habsyah telah membayar maskahwinnya bagi pihak beliau, dan dari sanalah dia datang ke Madinah.

Sebaik sahaja Khaybar telah ditakluk selepas Perjanjian Hudaybiyah, Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Safiyah binti Hayyi ibn Akhtab, ketua Bani an-Nadhir. Dia adalah isteri Kinanah ibn Abu al-Haqiq, salah seorang dari pemimpin kaum Yahudi juga. Di antara cerita yang disebutkan oleh Ibn Ishaq mengenai kisah perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengannya ialah bahawa Safiyah telah dibawa bersama seorang perempuan yang lain dari tawanan perang. Kemudian Bilal r.a. telah membawa kedua-duanya melalui mayat-mayat orang-orang Yahudi yang terbunuh dalam peperangan itu, dan apabila perempuan yang bernama Safiyah itu melihat mayat-mayat itu dia pun memekik-mekik dan memukul-mukul mukanya dan menaburkan tanah di atas kepalanya, lalu Rasulullah pun berkata: "Jauhkan perempuan yang dirasuk syaitan ini dariku." Dan kemudian, beliau menyuruh orang menempatkan Safiyah di belakang beliau lalu

beliau pun mencampakkan baju labuhnya ke atas Safiyah. Dengan itu orang-orang Islam pun tahu bahawa Rasulullah s.a.w. telah memilih Safiyah untuk dirinya. Kemudian Rasulullah s.a.w. telah berkata kepada Bilal r.a. - menurut cerita yang sampai kepadaku - apabila beliau melihat kelakuan perempuan Yahudi yang memekik-mekik itu: "Wahai Bilal! Apakah perasaan belas kasihan telah, dicabutkan dari hatimu apabila engkau tergamak membawa kedua-dua perempuan itu melalui mayat-mayat suami mereka?".

Kemudian Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Maimunah binti al-Harith ibn Hazn iaitu ibu saudara Khalid ibn al-Walid dan Abdullah ibn 'Abbas. Sebelum berkahwin dengan Rasulullah s.a.w., dia menjadi isteri Abu Rahm ibn 'Abdul-'Uzza, dan menurut cerita yang lain Huwaytib ibn 'Abdul-'Uzza. Maimunah merupakan isteri Rasulullah s.a.w. yang paling akhir.

Demikianlah anda dapat lihat bahawa setiap isteri Rasulullah s.a.w. itu mempunyai kisah dan sebab masing-masing yang mendorong beliau berkahwin dengan mereka. Semua isteri beliau kecuali Zainab binti Jahsy dan Juwayriyah bin al-Harith sahaja terdiri dari wanita-wanita muda atau wanita-wanita jelita yang digemari lelaki. Sedangkan Aisyah pula merupakan isteri yang paling disayangi beliau. Hinggakan dua orang isteri beliau yang cantik dan muda itu pun bukannya itu sahaja yang menjadikan faktor perkahwinan itu, malah di sana ada lagi faktor yang lain, iaitu faktor kejiwaan dan faktor kemanusiaan. Kita tidak perlu sama sekali menafikan adanya unsur daya penarik dalam perkahwinan itu sebagaimana yang diperhatikan oleh Aisyah pada Juwayriyah dan adanya unsur kejelitaan pada isterinya Zainab. Kita sama sekali tidak perlu menafikan unsur-unsur kemanusiaan seperti ini dari kehidupan Rasulullah s.a.w. kerana unsur-unsur seperti ini bukannya menjadi asas tuduhan yang dipertahankan oleh kaum Ansar terhadap Nabi mereka apabila musuh-musuh beliau cuba melemparkan tuduhan-tuduhan kepada beliau. Rasulullah s.a.w. telah dipilih menjadi seorang manusia, tetapi seorang manusia yang luhur. Demikianlah sifat beliau dan demikianlah juga sifat dorongan-dorongan beliau di dalam kehidupannya dan dorongan-dorongan beliau terhadap isteri-isterinya mengikut berbagai-bagai tujuan dan faktor.

Rasulullah s.a.w. hidup di rumahtangganya bersama isterinya selaku seorang manusia biasa yang menjadi Rasul sebagaimana beliau dijadikan Allah begitu dan sebagaimana beliau diperintahkan Allah supaya berkata:

قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Maha Sucilah Tuhanku tidaklah aku ini melainkan hanya seorang manusia biasa yang menjadi Rasul!"

(Surah al-Isra': 93)

Rasulullah s.a.w. telah hidup dengan penuh kebahagiaan dengan para isterinya, dan beliau telah memberi kebahagiaan kepada mereka sebagaimana diterangkan oleh Aisyah r.a. dengan katanya, *"Adalah beliau apabila bersunyi dengan isterinya, seorang yang amat lemah-lembut dan amat mulia budi pekertinya, sentiasa ketawa dan tersenyum"*[1]. Tetapi beliau berbahagia dan memberi kebahagian kepada mereka hanya dari peribadinya sendiri, dari limpah kebaikan hatinya, dari keluruhan budi pekertinya dan dari kebaikan layanan dan pergaulan sahaja. Adapun kehidupan mereka dari segi kebendaan, kebaikannya adalah sekadar cukup untuk hidup sahaja walaupun setelah orang-orang Islam dapat meni'mati kesenangan hidup dengan harta-harta rampasan perang dan harta-harta rampasan bukan perang (fai'i). Di dalam Surah al-Ahzab telah pun dibentangkan kisah para isteri Rasulullah s.a.w. yang menuntut nafkah yang lumayan dari beliau dan bagaimana permintaan itu telah menimbulkan krisis yang akhirnya Rasulullah s.a.w. memberi pilihan kepada mereka sama ada hendak memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat atau memilih kesenangan hidup dan berpisah dengan beliau. Mereka semua memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat.[2]

Tetapi kehidupan dalam suasana nubuwah di rumahtangga Rasulullah s.a.w. itu tidaklah bererti terhapusnya perasaan-perasaan dan keinginan-keinginan biasa manusia pada jiwa para isterinya, malah pertelingkahan-pertelingkahan biasa telah berlaku di antara mereka iaitu pertelingkahan-pertelingkahan yang semestinya berlaku di antara perempuan-perempuan yang bermadu yang hidup dalam keadaan seperti ini. Tadi telah dibentangkan dalam cerita yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq mengenai Aisyah r.a. yang membayangkan bahawa dia bencikan Juwayriyah sebaik sahaja dia melihatnya kerana dia menduga bahawa Rasulullah s.a.w. akan tertarik kepada kemanisannya apabila beliau melihatnya dan apa yang didugakannya itu telah berlaku. Begitu juga Aisyah telah menceritakan hal pertelingkahannya dengan Safiyah katanya: "Aku berkata kepada Nabi s.a.w.: Cukuplah kepada anda dengan Safiyah yang macam itu!" Kata rawi: "Dia (Aisyah) maksudkan dengan sindiran itu ialah Safiyah itu pendek orangnya." lalu Nabi s.a.w. berkata kepadanya: "Anda telah mengeluarkan satu perkataan yang andainya perkataan itu dicampurkan dengan air lautan nescaya ia akan mengubahkannya."[3] Seterusnya Aisyah r.a. juga telah menceritakan hal dirinya apabila turun kepada Nabi s.a.w. ayat-ayat Surah al-Ahzab yang mengemukakan pilihan kepada para isteri beliau bahawa dia telah memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat dan dia

---

[1] *Diriwayatkan oleh as-Sayuti di dalam* الجامع الصغير *dari Ibn Sa'ad dan Ibn 'Asakir dari 'Aisyah.*

[2] *Lihat Juzu' kedua puluh dua.*

[3] *Hadith ini dikeluarkan oleh Abu Daud.*

meminta kepada Rasulullah s.a.w. supaya jangan menceritakan pilihan itu kepada isteri-isterinya yang lain. Tujuan permintaannya ini amat jelas. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, *"Sesungguhnya Allah tidak membangkitkan aku untuk menyusahkan manusia, tetapi Allah telah membangkitkan aku untuk menjadi guru yang memberi kemudahan kepada mereka. Tiada seorang pun dari mereka (isteri-isteri beliau) yang menanyakan tentang pilihan anda, melainkan aku akan ceritakan pilihan anda kepadanya."*[4]

Peristiwa-peristiwa yang diceritakan oleh Aisyah r.a. mengenai dirinya itu adalah didorong oleh sifatnya yang bercakap benar dan oleh didikan Islamiyah yang cemerlang yang telah diterima olehnya. Peritiwa-peristiwa itu tidak lain dan tidak bukan melainkan merupakan contoh-contoh dari peristiwa-peristiwa yang seumpamanya yang menggambarkan suasana-suasana biasa hidup manusia yang pasti berlaku di dalam kehidupan yang seperti ini, juga menggambarkan bagaimana Rasulullah s.a.w. telah menunaikan tugas mendidik dan meningkatkan jiwa manusia di rumahtangganya sebagaimana beliau menunaikan tugas itu di kalangan umatnya.

******

Peristiwa Pakatan Rahsia Hafsah - Aisyah Dan Implikasinya Yang Serius

Peristiwa yang menyebabkan turunnya permulaan ayat surah ini merupakan salah satu contoh peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. dan para isterinya. Beberapa riwayat mengenai peristiwa itu telah diceritakan dan kami akan bentangkannya apabila nas-nas surah ini dibicarakan.

Sesuai dengan peristiwa ini dan dengan arahan-arahan yang dikemukakan dalam peristiwa ini terutama arahan yang menyeru dua orang isteri Rasulullah s.a.w. yang membuat pakatan rahsia terhadap beliau itu supaya bertaubat, Al-Qur'an iringkan pula dengan seruan kepada orang ramai Islam supaya bertaubat dan supaya kepala-kepala keluarga yang menjadi penguasa-penguasa rumahtangga itu berusaha mendidik keluarga mereka dan memelihara diri mereka serta keluarga mereka dari api Neraka, di samping menayangkan pemandangan orang-orang kafir yang masuk ke dalam Neraka itu.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan pembicaraan mengenai isteri Nabi Nuh a.s. dan isteri Nabi Lut a.s. sebagai contoh manusia kafir yang berteduh di bawah bumbung orang yang beriman, juga mengenai isteri Fir'aun sebagai contoh manusia yang beriman yang berteduh di bawah bumbung orang yang kafir, dan seterusnya mengenai Maryam binti 'Imran yang telah mengawal kesucian dirinya dan menerima tiupan roh dari ciptaan Allah dan mengakui kebenaran kalimat-kalimat Tuhannya dan kitab-kitab suci-Nya dan dia tergolong dalam golongan manusia yang ta'at.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَ ۖ تَبْتَغِى مَرْضَاتَ أَزْوَٰجِكَ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١﴾

قَدْ فَرَضَ ٱللَّهُ لَكُمْ تَحِلَّةَ أَيْمَٰنِكُمْ ۚ وَٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

وَإِذْ أَسَرَّ ٱلنَّبِىُّ إِلَىٰ بَعْضِ أَزْوَٰجِهِۦ حَدِيثًا فَلَمَّا نَبَّأَتْ بِهِۦ وَأَظْهَرَهُ ٱللَّهُ عَلَيْهِ عَرَّفَ بَعْضَهُۥ وَأَعْرَضَ عَنۢ بَعْضٍ ۖ فَلَمَّا نَبَّأَهَا بِهِۦ قَالَتْ مَنْ أَنۢبَأَكَ هَٰذَا ۖ قَالَ نَبَّأَنِىَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿٣﴾

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا ۖ وَإِن تَظَٰهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ مَوْلَىٰهُ وَجِبْرِيلُ وَصَٰلِحُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَعْدَ ذَٰلِكَ ظَهِيرٌ ﴿٤﴾

عَسَىٰ رَبُّهُۥٓ إِن طَلَّقَكُنَّ أَن يُبْدِلَهُۥٓ أَزْوَٰجًا خَيْرًا مِّنكُنَّ مُسْلِمَٰتٍ مُّؤْمِنَٰتٍ قَٰنِتَٰتٍ تَٰٓئِبَٰتٍ عَٰبِدَٰتٍ سَٰٓئِحَٰتٍ ثَيِّبَٰتٍ وَأَبْكَارًا ﴿٥﴾

"Wahai Nabi! Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu kerana hendak mencari keredhaan isteri-isterimu? Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(1). Sesungguhnya Allah telah memfardhukan ke atas kamu membebaskan diri dari sumpah-sumpah kamu (dengan membayar kifarat). Dan Allah itu adalah Penaung kamu dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(2). Dan kenangilah ketika Nabi merahsiakan suatu percakapan kepada salah seorang dari isteri-isterinya (iaitu Hafsah), kemudian apabila isteri itu menceritakan rahsia itu kepada isterinya yang lain (iaitu Aisyah), maka Allah telah menyatakan kebocoran rahsia itu kepada Nabi, lalu Nabi pun menerangkan kepadanya (Hafsah) sebahagian dari rahsia yang telah dibocorkannya itu dan tidak menerangkan sebahagian yang lain. Apabila Nabi menceritakan hal itu kepadanya (Hafsah) dia pun bertanya: Siapakah yang telah menceritakan hal ini kepada anda? Jawab Nabi: Aku telah diberitakan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar(3). Jika kamu berdua (wahai Hafsah dan Aisyah) bertaubat kepada Allah, (maka itulah yang sewajarnya kepada kamu) kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah menyeleweng (dari keikhlasan), dan jika kamu berdua

---

[4] *Hadith ini dikeluarkan oleh Muslim.*

berpakat untuk menyusahkan Nabi, maka Allahlah yang menjadi pelindungnya, juga Jibril dan orang-orang Mu'min yang salih, dan selain dari itu para malaikat sekalian juga turut menjadi penolongnya (4). Andainya Nabi menceraikan kamu mungkin Tuhannya akan menggantikan kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik dari kamu iaitu isteri-isteri yang patuh, beriman, ta'at, sentiasa bertaubat, kuat beribadat dan menjelajah memikirkan kejadian-kejadian Allah, yang terdiri dari janda-janda dan dara-dara sunti."(5)

Di sana terdapat beberapa riwayat mengenai sebab nuzul ayat-ayat ini, dianiaya ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari mengenai ayat ini katanya: Kami telah diceritakan oleh Ibrahim ibn Musa, kami telah dikhabarkan oleh Hisyam ibn Yusuf dari ibn Jurayj dari 'Ata' dari 'Abid ibn 'Amir dari Aisyah katanya: Biasanya Nabi s.a.w. minum madu di rumah Zainab binti Jahsy dan duduk sebentar di sisinya. Lalu aku pun berpakat dengan Hafsah iaitu apabila beliau masuk kepada siapa sahaja dari kami berdua hendaklah dia katakan kepada beliau, Anda makan mughafirkah?[5] Saya dapati bau mughafir dari anda. Jawab beliau: "Tidak. Aku hanya minum madu di rumah Zainab. Baiklah aku tidak akan minum lagi, aku telah bersumpah, tetapi jangan beritahu sesiapa." Inilah minuman yang diharamkan ke atas dirinya sedangkan minuman itu halal kepadanya. Lalu turun firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَ

"Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu?"(1)

Dan ternyata bahawa isteri yang dirahsiakan percakapan tadi oleh Rasulullah s.a.w. dan menyuruhnya supaya jangan membocorkannya kepada isteri-isteri yang lain itu rupa-rupanya telah menceritakan rahsia itu kepada isteri beliau yang satu lagi yang telah berpakat dengannya. Lalu Allah memberitahu Rasulullah s.a.w. tentang kebocoran rahsia itu. Beliau pun mendapatkan isteri itu dan menegurnya serta menyebut sebahagian percakapan yang berlangsung di antara dia dengan madunya yang satu lagi itu tanpa menjelaskan segala-galanya sesuai dengan budi bahasanya yang tinggi. Beliau hanya menyebut perkara kebocoran itu secara ringkas sahaja supaya isteri itu tahu bahawa beliau tahu. Ini pun sudah cukup. Isteri itu tercengang kehairanan, lalu menanya beliau, "Siapakah yang memberitahu hal ini kepada anda?" Mungkin terlintas di dalam hatinya bahawa madunya yang satu lagi itulah yang telah menceritakan hal ini kepada Rasulullah s.a.w., tetapi beliau telah menjawab:

"Aku telah diberitakan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar."(3)

Yakni berita kebocoran itu adalah datang dari sumber yang mengetahui segala sesuatu. Tujuan kenyataan ini ialah Rasulullah s.a.w. mengetahui segala percakapan yang berlaku di antara dia dan madunya yang satu lagi, bukan hanya mengetahui sekadar bahagian yang dicakap beliau kepadanya sahaja.

Akibat peristiwa yang telah mendedahkan pakatan sulit di rumah Rasulullah s.a.w. itu menyebabkan beliau marah dan bersumpah tidak akan menghampiri para isterinya selama sebulan, dan beliau telah berazam hendak menceraikan mereka, dan berita ini telah didengar oleh orang ramai Islam. Kemudian turun ayat-ayat ini dan kemarahan Rasulullah s.a.w. kembali reda, lalu beliau pulang kembali kepada isterinya selepas perincian yang kami akan bentangkan setelah dikemukakan satu riwayat yang lain mengenai peristiwa ini.

Riwayat yang lain ini telah dikeluarkan oleh an-Nasai' dari hadith Anas yang menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. mempunyai seorang hamba yang disetubuhinya. Hal ini terus diungkit-ungkit oleh Aisyah dan Hafsah sehingga beliau mengharamkan hamba itu kepada dirinya lalu turunlah ayat.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَ تَبۡتَغِي مَرۡضَاتَ أَزۡوَٰجِكَ

"Wahai Nabi! Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu kerana hendak mencari keredhaan isteri-isterimu?"(1)

Menurut riwayat Ibn Jarir dan Ibn Ishaq, Rasulullah s.a.w. telah mengadakan hubungan kelamin dengan Mariah ibu anaknya Ibrahim di rumah Hafsah dan ini menyebabkan Hafsah marah dan menganggapkan perbuatan itu sesuatu penghinaan terhadap dirinya, lalu Nabi s.a.w. telah berjanji dengan Hafsah bahawa beliau akan mengharamkan Mariah kepada dirinya dan beliau bersumpah untuk berbuat demikian. Dan beliau menyuruh Hafsah menyembunyikan rahsia ini, tetapi Hafsah telah menceritakan hal ini kepada Aisyah. Inilah yang dimaksudkan dengan "*percakapan*" yang disebutkan di dalam surah ini.

Kedua-dua riwayat ini mungkin berlaku, tetapi riwayat yang kedua adalah lebih hampir dengan suasana ayat-ayat surah ini dan lebih hampir kepada akibat peristiwa yang telah menimbulkan kemarahan Rasulullah s.a.w. sehingga hampir membawa kepada menceraikan isteri-isterinya memandangkan perkara itu amat sensitif. Namun demikian, riwayat yang pertama lebih kukuh dari segi sanad dan ia juga mungkin berlaku dan mungkin menimbulkan kesan-kesan yang telah disebutkan itu jika kita memandang kepada taraf rumahtangga Rasulullah s.a.w. yang mana peristiwa seperti itu dapat dianggap sebagai suatu perkara yang besar. Allah sahajalah yang mengetahui manakah satu yang benar dan tepat di antara dua riwayat itu.

Kesan peristiwa Rasulullah s.a.w. bersumpah untuk tidak menghampiri para isterinya, telah digambarkan oleh sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dalam musnadnya dari Ibn 'Abbas r.a. Hadith

[5] *Sejenis getah yang manis rasanya tetapi busuk baunya.*

ini juga melukiskan sebahagian dari gambaran masyarakat Islam di masa itu katanya: Kami telah diceritakan oleh Abdur Razzaq, kami telah dikhabarkan oleh Ma'mar dari az-Zuhri dari 'Ubaydillah ibn Abdullah ibn Abu Thaur dari 'Abbas katanya: Aku sentiasa berhasrat untuk bertanya 'Umar tentang siapakah dua orang isteri Rasulullah s.a.w. yang dibicarakan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya:

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدۡ صَغَتۡ قُلُوبُكُمَا

"Jika kamu berdua (wahai Hafsah dan Aisyah) bertaubat kepada Allah, (maka itulah yang sewajarnya kepada kamu) kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah menyeleweng (dari keikhlasan)."(4)

sehingga sampai pada masa 'Umar keluar untuk mengerjakan Haji dan aku pun turut keluar untuk mengerjakan fardhu Haji bersamanya. Bila sampai di setengah jalan 'Umar berpusing ke arah yang lain dan aku pun turut berpusing bersamanya membawa bekas air yang diperbuat dari kulit. Dia pergi membuang air, kemudian dia datang kepadaku dan aku pun menuang air ke dalam kedua tangannya, lalu dia mengambil wudhuk. Aku pun bertanya: Wahai Amirul-Mu'minin! Siapakah dua orang perempuan dari isteri Rasulullah s.a.w, yang dibicarakan Allah S.W.T. di dalam firman-Nya:

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدۡ صَغَتۡ قُلُوبُكُمَا

Jawab 'Umar: *"Awak ini sungguh aneh, wahai Ibn Abbas!".* (Ujar az-Zuhri: Demi Allah, 'Umar tidak suka dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh ibn 'Abbas itu tetapi dia tidak menyembunyikannya). Lalu dia berkata: "Itulah Aisyah dan Hafsah." Kata Ibn 'Abbas kemudian 'Umar bercerita dengan katanya: "Kita orang-orang Quraisy adalah satu kaum yang menguasai kaum perempuan dan apabila kita datang ke Madinah kita dapati satu kaum yang dikuasai oleh kaum perempuan. Dan di sinilah perempuan-perempuan kita mulai belajar dari perempuan-perempuan mereka." Katanya lagi: "Rumahku terletak di kampung Umayyah ibn Zayd di al-'Awali." Katanya: "Pada suatu hari aku marahkan isteriku, tiba-tiba dia bersoal jawab denganku. Lalu aku kecamkan perbuatannya yang bersoal jawab denganku itu. Lalu dia berkata: Mengapa anda marahkan saya bersoal jawab dengan anda? Demi Allah, isteri-isteri Rasulullah s.a.w. sendiri bersoal jawab dengan beliau dan salah seorang dari mereka tidak bertegur sapa dengannya dari hari siang hingga ke malam." Katanya lagi: Aku pun keluar mendapatkan Hafsah dan bertanya, "Adakah engkau bersoal jawab dengan Rasulullah s.a.w. dan tidak bertegur sapa dengannya dari hari siang hingga ke malam?" Jawab Hafsyah, "Ya" Aku pun berkata kepadanya, "Sesungguhnya kecewa dan rugilah sesiapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu. Adakah seorang dari kamu merasa aman dari dimurkai Allah kerana kemurkaan Rasul-Nya, kemudian tiba-tiba dia binasa? Janganlah engkau bersoal jawab dengan Rasulullah s.a.w. dan janganlah engkau minta apa-apa darinya, bahkan mintalah dari hartaku apa sahaja yang engkau suka janganlah engkau terpedaya jika jiran engkau itu lebih cantik dan lebih disayangi Rasulullah s.a.w dari engkau. (Dia maksudkan Siti Aisyah). Katanya lagi: Aku ada seorang jiran dari orang Ansar dan kami bergilir-gilir turun menemui Rasulullah s.a.w. Dia turun sehari kemudian aku turun sehari. Dia balik membawa berita wahyu dan lain-lain dan aku pun balik membawa berita yang sama. Katanya lagi: Pada masa itu kami sedang bercakap-cakap bahawa orang-orang Ghassan sedang memasang kasut pada kaki-kaki kuda mereka untuk menyerang kami. Pada suatu hari sahabatku itu turun menemui Rasulullah s.a.w., kemudian dia pulang waktu 'Isyak dan mengetuk-ngetuk pintu rumahku dan memanggilku, lalu aku pun keluar mendapatkannya. Dia pun berkata, "Satu perkara yang besar telah berlaku". Aku terus menyampuk, "Ada apa? Adakah orang-orang Ghassan telah datang menyerang?" Jawabnya, "Tidak. Malah perkara itu lebih besar dan lebih panjang ceritanya dari serangan orang-orang Ghassan, iaitu Rasulullah s.a.w. telah menceraikan isteri-isterinya." Lalu aku pun berkata, "Kecewa dan rugilah Hafsah." Aku telah menduga perkara ini akan berlaku. Selepas sembahyang Subuh aku pun mengenakan pakaianku dan turun untuk menemui Rasulullah s.a.w., aku masuk menemui Hafsah yang menangis dan bertanya, "Adakah Rasulullah s.a.w. telah menceraikan engkau?" Jawab Hafsah, "Anakanda tidak tahu. Beliau sekarang sedang bersendirian di dalam bilik ini." Lalu aku pun pergi mendapatkan seorang budak hitam dan berkata kepadanya, "Pergilah engkau minta izin untuk 'Umar." Budak itu pun masuk ke dalam bilik itu, kemudian keluar mendapatkanku dan berkata, "Hamba telah sebutkan maksud anda kepada beliau, tetapi beliau diam sahaja." Aku pun pergi dari situ menuju ke mimbar masjid. Tiba-tiba di sana ada sekumpulan orang sedang duduk dan setengah-setengahnya menangis. Aku pun duduk dekat mimbar itu sebentar kemudian perkara yang merungsingkanku itu menguasai hatiku lagi, lalu aku pun pergi mendapatkan, budak itu dan berkata, "Pergilah engkau minta izin untuk 'Umar." Dia pun masuk kemudian keluar mendapatkanku dan berkata, "Hamba telah sebutkan maksud anda kepada beliau, tetapi beliau diam juga." Lalu aku pun keluar dan duduk dekat mimbar.. Kemudian perkara yang merungsingkanku itu menguasai hatiku lagi, lalu aku pun pergi mendapatkan budak itu dan berkata, "Pergilah engkau minta izin untuk 'Umar." Dia pun masuk kemudian keluar mendapatkanku dan berkata, "Hamba telah sebutkan maksud anda kepada beliau, tetapi beliau diam juga." Aku pun berpaling meninggalkan tempat itu. Tiba-tiba budak itu memanggilku dan berkata, "Silalah masuk. Beliau telah memberi keizinan kepada anda." Aku pun masuk dan memberi salam kepada Rasulullah s.a.w. Beliau sedang bersandar di atas tikar anyaman dan

bekas-bekas jalur tikar itu kelihatan dilambungnya. Aku pun bertanya, "Adakah benar anda telah menceraikan isteri-isteri anda, wahai Rasulullah?" Beliau pun mengangkatkan kepalanya kepadaku dan berkata, "Tidak" Aku pun berkata, "Allahu Akbar! Jika anda melihat keadaan kita, wahai Rasulullah, (tentulah tidak menghairankan) kerana kita orang-orang Quraisy adalah satu kaum yang menguasai kaum perempuan, dan apabila kita datang ke Madinah kita dapati satu kaum yang dikuasai kaum perempuan dan di sinilah perempuan-perempuan kita mulai belajar dari perempuan-perempuan mereka. Pada suatu hari hamba marahkan isteri hamba tiba-tiba dia bersoal jawab dengan hamba, lalu hamba kecamkan perbuatannya yang bersoal jawab dengan hamba itu, lalu dia berkata: Mengapa anda marahkan saya bersoal jawab dengan anda? Demi Allah, isteri-isteri Rasulullah sendiri bersoal jawab dengan beliau dan salah seorang dari mereka tidak bertegur sapa dengannya dari hari siang hingga ke malam. Lalu hamba berkata: Sesungguhnya kecewalah dan rugilah sesiapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu. Adakah seseorang dari kamu merasa aman dari dimurkai Allah kerana kemurkaan Rasul-Nya, kemudian tiba-tiba dia binasa?" Rasulullah s.a.w. pun tersenyum dan aku terus berkata, "Hamba telah masuk menemui Hafsah dan hamba katakan kepadanya: Janganlah engkau terpedaya jika jiran engkau itu lebih cantik dan lebih disayangi Rasulullah s.a.w. dari engkau." Beliau sekali lagi tersenyum, lalu aku pun berkata, "Hamba pohon izin duduk, wahai Rasulullah." Jawab beliau, "Baiklah." Aku pun angkat kepalaku melihat ke dalam rumah, dan demi Allah, aku tidak nampak di dalam rumah itu sesuatu apa pun yang menarik pandangan melainkan hanya kehebatan, martabat beliau sahaja. Kemudian aku berkata, "Berdo'alah kepada Allah, wahai Rasulullah, supaya Dia mengurniakan rezeki yang luas kepada umat anda, kerana sesungguhnya Allah telah mengurniakan rezeki yang luas kepada orang-orang Parsi dan orang-orang Rom sedangkan mereka tidak menyembah Allah." Lalu beliau pun membetulkan duduknya seraya berkata, "Apakah engkau masih ragu-ragu lagi, wahai anak al-Khattab? Mereka adalah umat manusia yang disegerakan ni'mat-ni'mat kesenangan dalam kehidupan dunia ini". Aku pun berkata, "Pohonlah keampunan kepadaku, wahai Rasulullah." Rasulullah s.a.w. ketika itu telah bersumpah tidak akan menghampiri isterinya selama sebulan kerana terlalu marah kepada mereka sehingga beliau ditegur oleh Allah 'Azzawajalla.[6]

******

Inilah cerita peristiwa itu. Sekarang marilah kita tinjau ayat-ayat al-Qur'an yang indah itu.

[6] *Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi dan an-Nasa'i dari beberapa saluran dari az-Zuhri dengan nas ini.*

Surah ini dimulakan dengan satu teguran dari Allah terhadap Rasulullah s.aw.:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَۖ تَبْتَغِي مَرْضَاتَ أَزْوَٰجِكَۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ١

قَدْ فَرَضَ ٱللَّهُ لَكُمْ تَحِلَّةَ أَيْمَٰنِكُمْۚ وَٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ٢

"Wahai Nabi! Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu kerana hendak mencari keredhaan isteri-isterimu? Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(1). Sesungguhnya Allah telah mefardhukan ke atas kamu membebaskan diri dari sumpah-sumpah kamu (dengan membayar kifarat). Dan Allah itu adalah penaung kamu dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(2)

Ini adalah satu teguran yang mengharukan, kerana memanglah seseorang yang beriman itu tidak harus mengharamkan keni'matan yang telah dihalalkan Allah. Rasulullah s.a.w. bukanlah mengharamkan minuman madu atau Mariah itu dengan erti kata pengharaman syari'i, malah beliau hanya mengambil keputusan hendak menahankan dirinya dan meni'matinya sahaja. Lalu datanglah teguran ini menyarankan bahawa apa sahaja yang telah dihalalkan Allah, maka tidak harus bagi seseorang menahankan diri dari meni'matinya dengan sengaja kerana semata-mata hendak mengambil hati seseorang yang lain. Ulasan Al-Qur'an **"dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih"** menyarankan bahawa pengharaman yang seperti itu menjadi satu kesalahan yang harus diperbetulkan dengan keampunan dan rahmat belas kasihan dari Allah. Ini adalah satu saranan yang amat halus.

Adapun perbuatan bersumpah yang diterangkan oleh ayat ini bahawa Rasulullah s.a.w. telah melakukannya, maka Allah telah memfardhukan supaya beliau membebaskan dirinya dengan membayar kifarat yang menghalalkannya. Selama sumpah itu dilakukan dalam perkara yang bukan kebajikan, maka menghindarkan diri dari sumpah seperti itu adalah lebih utama.

وَٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْۖ

"Dan Allah itu Penaung kamu."(2)

Dia sentiasa menolong kamu mengatasi kelemahan-kelemahan kamu dan kesulitan-kesulitan yang menyusahkan kamu, dan kerana itu Allah memfardhukan bayaran kifarat untuk membebaskan diri kamu dari sumpah itu supaya terselamat dari kesusahan dan kesukaran itu.

"Dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(2)

Allah mengaturkan peraturan-peraturan syari'at-Nya untuk kamu dengan ilmu pengetahuan-Nya yang mendalam dan dengan kebijaksanaan-Nya yang tinggi, dan Dia menyampaikan suruhan-suruhan yang sesuai dengan kemampuan kamu dan sesuai dengan maslahah kamu. Oleh itu, janganlah kamu mengharamkan melainkan sesuatu yang telah diharamkan-Nya, dan janganlah kamu menghalalkan melainkan sesuatu yang telah dihalal-Nya. Peringatan ini adalah sesuai dengan arahan yang disebutkan sebelumnya.

Kemudian Al-Qur'an menyebut "*percakapan*" tanpa menyebut maudhu'nya dan perinciannya, kerana maudhu'nya tidak penting dan tidak pula merupakan satu unsur yang kekal dari percakapan itu kerana unsur yang kekal ialah tujuannya dan implikasi-implikasinya:

وَإِذْ أَسَرَّ ٱلنَّبِيُّ إِلَىٰ بَعْضِ أَزْوَٰجِهِۦ حَدِيثًا

"Dan kenangilah ketika Nabi merahsiakan suatu percakapan kepada salah seorang dari isteri-isterinya (iaitu Hafsah)."(3)

Dari ayat ini kita dapat melihat satu contoh dari satu zaman yang mengkagumkan di dalam sejarah manusia, iaitu satu zaman di mana manusia hidup berhubung secara langsung dengan Allah dan di mana Allah mencampuri urusan hidup mereka secara terus terang dan terperinci. Dan dari ayat ini juga kita dapat mengetahui bahawa Allah telah memberitahu kepada Rasul-Nya apa yang telah dibocorkan di antara dua isterinya mengenai percakapan yang telah dirahsiakannya kepada salah seorang dari isteri-isterinya itu, dan beliau telah menegur isteri yang telah membocorkannya itu dengan hanya menyebut sebahagian yang kecil darinya sahaja, kerana segan memanjang-manjangkannya, dan menyatakan kepadanya bahawa dia mendapat tahu hal kebocoran dari sumber Yang Maha Mengetahui:

فَلَمَّا نَبَّأَتْ بِهِۦ وَأَظْهَرَهُ ٱللَّهُ عَلَيْهِ عَرَّفَ بَعْضَهُۥ وَأَعْرَضَ عَنۢ بَعْضٍ ۖ فَلَمَّا نَبَّأَهَا بِهِۦ قَالَتْ مَنْ أَنۢبَأَكَ هَٰذَا ۖ قَالَ نَبَّأَنِىَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿٣﴾

"Apabila isteri itu menceritakan rahsia itu kepada isterinya yang lain (iaitu Aisyah), maka Allah telah menyatakan kebocoran rahsia itu kepada Nabi, lain Nabi pun menerangkan kepadanya (Hafsah) sebahagian dari rahsia yang telah dibocorkannya itu dan tidak menerangkan sebahagian yang lain. Apabila Nabi menceritakan hal itu kepadanya (Hafsah), dia pun bertanya: Siapakah yang telah menceritakan hal ini kepada anda? Jawab Nabi: Aku telah diberitakan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar."(3)

Menyebut sifat Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar itu adalah memberi kesan yang mendalam dalam suasana peristiwa ini di mana pakatan-pakatan sulit sedang diatur di belakang tabir. Sebutan sifat itu menyedarkan isteri yang bertanya itu kepada hakikat yang mungkin dilupainya, dan seterusnya menyedarkan hati para Mu'minin seluruhnya setiap kali mereka membaca Al-Qur'an.

Kemudian ungkapan Al-Qur'an berubah dari menceritakan kisah peristiwa itu kepada menghadapkan firman Allah kepada dua orang isteri yang terlibat itu seolah-olah perkara itu sedang berlaku di depan mata:

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا ۖ وَإِن تَظَٰهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ مَوْلَىٰهُ وَجِبْرِيلُ وَصَٰلِحُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَعْدَ ذَٰلِكَ ظَهِيرٌ ﴿٤﴾

"Jika kamu berdua (wahai Hafsah dan Aisyah) bertaubat kepada Allah, (maka itulah yang sewajarnya kepada kamu) kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah menyeleweng (dari keikhlasan) dan jika kamu berdua berpakat untuk menyusahkan Nabi, maka Allahlah yang menjadi Pelindungnya, juga Jibril dan orang-orang Mu'min yang salih, dan selain dari itu para malaikat sekalian juga turut menjadi penolongnya."(4)

Apabila kita lewati permulaan ayat ini yang mengandungi seruan Allah kepada keduanya (Hafsah dan Aisyah) supaya bertaubat agar hati mereka kembali ke pangkal jalan dan menjurus kepada Allah setelah terjauh dari-Nya dengan sebab perbuatan yang dilakukan mereka, kita akan berdepan dengan satu amaran yang menakutkan. Dan dari amaran yang besar ini dapatlah kita menyedari betapa mendalamnya kesan peristiwa itu kepada hati Rasulullah s.a.w. hingga Al-Qur'an terpaksa mengumumkan bahawa Allah, Jibril, orang-orang Mu'min yang salih dan para malaikat sekaliannya akan turut membantu beliau untuk membaiki hati beliau yang telah tersinggung itu dan supaya beliau kembali tenang dan tenteram dari peristiwa yang amat menyentuhkan hatinya itu.

Tentulah kedudukan peristiwa itu pada tanggapan Rasulullah s.a.w. dan dalam skop hidupnya begitu besar dan mendalam kesannya hingga kepada batas yang secucuk dengan amaran ini. Kita mungkin dapat memahami hakikat peristiwa itu dari ayat ini dan dari kenyataan sahabat 'Umar r.a. apabila 'Umar bertanya kepadanya, "Adakah orang-orang Ghassan datang menyerang?" Jawabnya, "Tidak. Malah perkara itu lebih besar dan lebih panjang ceritanya dari serangan orang-orang Ghassan." Ghassan ialah sebuah, kerajaan Arab yang berikat dengan kerajaan Rom di Syam di pinggir Semenanjung Tanah Arab dan tentulah serangannya merupakan satu perkara yang besar, tetapi pada hemat orang-orang Islam masalah rumahtangga Rasulullah s.a.w. adalah lebih penting lagi. Mereka memandang ketenteraman hati Rasulullah dan rumahtangganya lebih penting dari segala perkara yang lain. Kekacauan dan kegelisahan

hati dan rumahtangga beliau adalah lebih bahaya kepada kelompok Muslimin dari serangan kerajaan Ghassan yang menjadi agen kerajaan Rom itu. Dan penilaian mereka telah bertemu pula dengan penilaian Allah. Ini menjadikan penilaian itu satu penilaian yang betul dan mendalam.

Begitu juga makna ayat yang berikut, yang menjelaskan sifat-sifat perempuan yang mungkin dijadikan Allah sebagai isteri-isteri ganti untuk menggantikan mereka apabila Rasulullah s.a.w. menceraikan mereka, merupakan suatu amaran yang menunjukkan betapa besarnya persoalan ini:

عَسَىٰ رَبُّهُۥٓ إِن طَلَّقَكُنَّ أَن يُبْدِلَهُۥٓ أَزْوَٰجًا خَيْرًا مِّنكُنَّ مُسْلِمَٰتٍ مُّؤْمِنَٰتٍ قَٰنِتَٰتٍ تَٰٓئِبَٰتٍ عَٰبِدَٰتٍ سَٰٓئِحَٰتٍ ثَيِّبَٰتٍ وَأَبْكَارًا ٥

"Andainya Nabi menceraikan kamu mungkin Tuhannya akan menggantikan kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik dari kamu iaitu isteri-isteri yang patuh, beriman, ta'at, sentiasa bertaubat, kuat beribadat dan menjelajah memikirkan kejadian-kejadian Allah yang terdiri dari janda-janda dan dara-dara sunti."(5)

Itulah sifat-sifat yang diserukan Allah secara saranan dan sindiran supaya mereka bersifat dengan sifat-sifat tersebut.

Sifat "مسلمات" buktikan dengan sifat-sifat patuh dan ta'at kepada perintah-perintah agama. Sifat "مؤمنات" dibuktikan dengan keimanan yang penuh di dalam hati dan dari keimanan Inilah lahirnya sifat, keislaman yang patuh. Sifat "قانتات" ialah sifat hati yang ta'at. Sifat "تائبات" ialah sifat menyesal di atas perbuatan maksiat yang telah dilakukan dan balik semula ke jalan ta'at. Sifat "عابدات" ialah sifat menggunakan ibadat sebagai alat untuk berhubung dengan Allah dan menzahirkan Ubudiyah kepada-Nya. Sifat "سائحات" ialah sifat suka merenung, memperhati, meneliti dan berfikir pada penciptaan Allah yang indah dan menjelajah dengan hati di dalam kerajaan Allah. Di samping sifat-sifat ini mereka juga terdiri dari janda-janda dan dara-dara sebagaimana isteri-isteri beliau yang ada sekarang terdiri dari janda-janda dan dara-dara.

Semuanya ini merupakan amaran yang pasti dihadapkan kepada mereka memandangkan kesan-kesan buruk perbuatan mereka dalam hati Rasulullah s.a.w. kerana beliau tidak sekali-kali marah terhadap perkara-perkara yang kecil.

Hati Nabi s.a.w. telah tenteram dan redha kembali setelah turunnya ayat-ayat ini yang menghadapkan terus firman Allah kepada beliau dan isteri beliau. Kini rumahtangga beliau yang mulia telah kembali tenang setelah dilanda kegoncangan. Ketenteraman telah pulih kembali dengan bimbingan dan arahan Allah S.W.T. ini merupakan satu penghormatan kepada rumahtangga Rasulullah s.a.w. yang sesuai dengan peranannya untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi ini.

Di samping itu, peristiwa ini merupakan satu gambaran kehidupan rumahtangga seorang tokoh besar yang bertugas untuk membentuk satu umat dan menegakkan satu negara yang tidak ada tolok bandingnya di zaman yang lampau, iaitu satu umat yang bertugas memikul amanah agama Allah dalam bentuknya yang terakhir dan menegakkan sebuah masyarakat Rabbani di alam kenyataan yang dapat dicontohi oleh umat manusia.

Ia merupakan satu gambaran kehidupan seorang manusia yang mulia, luhur dan agung yang hidup dengan sifat-sifat manusia biasa dan dalam waktu yang sama melaksanakan tugas-tugas sebagai seorang Nabi. Kedua-dua sifat itu tidak pernah terpisah satu sama lain, kerana taqdir Allah telah menghendaki supaya beliau menjadi seorang manusia yang bersifat Rasul untuk membawa agama-Nya yang terakhir atau sistem hidup yang akhir kepada umat manusia.

Itulah agama yang sempurna yang dibawa oleh Rasul yang sempurna, dan di antara sifat kesempurnaan agama ini ialah manusia yang mengamalkannya tetap menjadi seorang manusia juga. Ia tidak menindas sebarang daya tenaga yang membina yang ada pada seorang manusia. Ia tidak melumpuhkan mana-mana bakat kesediaan manusia yang berguna, dan dalam waktu yang sama ia mendidik dan mengasuh manusia supaya meningkat ke martabat-martabat yang tinggi.

Demikianlah Islam menerapkan pengaruhnya pada orang-orang yang memahaminya dan menyesuaikan hidup mereka dengannya sehingga mereka berubah menjadi satu salinan yang hidup bagi Islam. Pembawaan dan kehidupan Rasulullah s.a.w. yang dijalani setiap hari yang mengandungi pengalaman-pengalaman, percubaan-percubaan, kelemahan-kelemahan dan kekuatan-kekuatan sebagai seorang manusia, yang bercampur dengan hakikat-hakikat da'wah Allah yang meningkatkan darjatnya selangkah demi selangkah seperti yang dapat dilihat dalam pembawaan hidup isteri-isteri beliau, merupakan satu contoh yang praktikal yang dapat dilihat dan diambil teladan oleh sesiapa sahaja yang mahukan contoh teladan yang mudah yang dapat dilaksanakan di alam kenyataan, iaitu contoh teladan yang bukan wujud di awan-awan dan di dalam khayalan-khayalan.

Kini terlaksanalah hikmat perencanaan Allah yang telah menurunkan agama-Nya yang terakhir dengan bentuknya yang sempurna dan sepadu, dan memilih seorang rasul yang mampu menerimanya dan dapat menterjemahkannya dalam satu gambaran yang hidup, dan menjadikan kehidupan Rasul ini sebagai sebuah kitab yang terbuka yang dapat, dibaca oleh semua orang dan dapat dijadikan sumber rujukan generasi demi generasi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 9)

Umat Muslimin Diseru Menjunjung Iltizam-iltizam Untuk Menjauhkan Keluarga Dari Api Neraka

Di bawah implikasi peristiwa yang meninggalkan kesan yang amat mendalam pada hati orang-orang Islam ini, Al-Qur'an menyeru para Mu'minin supaya menunaikan kewajipan mereka terhadap rumahtangga mereka, iaitu kewajipan mendidik, memimpin dan mengingat untuk memelihara diri mereka dan keluarga mereka dari seksa Neraka, di samping melukiskan kepada mereka satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Neraka dan keadaan orang-orang kafir di sana. Juga menyeru mereka supaya bertaubat dan menggambarkan kepada mereka pemandangan Syurga yang menunggu orang-orang yang bertaubat. Kemudian Al-Qur'an menyeru Nabi s.a.w. supaya memerangi orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا
وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٌ
شِدَادٌ لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَعْتَذِرُوا۟ ٱلْيَوْمَ ۖ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ
مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ تُوبُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا
عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ
جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ يَوْمَ لَا يُخْزِى ٱللَّهُ
ٱلنَّبِىَّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ ۖ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ
أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَٰنِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا
وَٱغْفِرْ لَنَآ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ جَٰهِدِ ٱلْكُفَّارَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱغْلُظْ
عَلَيْهِمْ ۚ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluargi kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu, dan yang menguasainya ialah malaikat-malaikat yang kasar dan bengis, mereka tidak menderhakakan Allah dalam segala tugas yang diperintahkan kepada mereka dan mereka melaksanakan segala apa yang disuruhkan kepada mereka(6). Wahai orang-orang yang kafir! Janganlah kamu meminta maaf pada hari ini. Sesungguhnya kamu hanya dibalas mengikut amalan yang telah dilakukan kamu(7). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha semoga Tuhan kamu menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai pada hari Allah tidak akan mengecewakan Nabi dan orang-orang yang beriman yang bersama-sama dengannya. Cahaya keimanan mereka menerangi di hadapan dan di kanan mereka, sedangkan mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah untuk kami cahaya keimanan kami dan ampunkan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(8). Wahai Nabi! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan bertindaklah dengan keras terhadap mereka. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(9)

Tanggungjawab seorang Mu'min terhadap diri dan keluarganya adalah tanggungjawab yang berat dan menakutkan. Di Akhirat sana dia dan keluarganya terdedah kepada api Neraka. Oleh itu, dia berkewajipan melindungkan dirinya dan keluarganya dari Neraka yang menunggu di sana iaitu Neraka yang bernyala-nyala begitu dahysat dan hebat.

وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ

"Bahan bakarnya ialah manusia dan batu."(6)

Manusia di dalam Neraka kelak sama seperti batu-batu iaitu hina, murah dan terbuang begitu sahaja tanpa kehormatan. Alangkah dahsyatnya Neraka yang apinya dibakar dengan batu-batu, dan alangkah seksanya Neraka yang mengumpulkan kesakitan yang dahsyat dengan kehinaan yang berat. Dan segala-gala di dalam Neraka adalah dahsyat belaka:

عَلَيْهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ

"Dan yang menguasainya ialah malaikat-malaikat yang kasar dan bengis."(6)

Tabi'at mereka sesuai dengan tabi'at 'azab Neraka yang diawasi mereka:

لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

"Mereka tidak menderhakakan Allah dalam segala tugas yang diperintahkan kepada mereka dan mereka melaksanakan segala apa yang disuruhkan kepada mereka."(6)

Di antara sifat-sifat mereka ialah ta'at menjunjung segala perintah Allah dan mampu melaksanakan segala suruhan-Nya. Dengan tabi'at yang kasar dan bengis inilah mereka telah diserahkan tugas menjaga Neraka yang ganas dan dahsyat. Oleh itu setiap Mu'min berkewajipan memelihara dirinya dan keluarganya dari Neraka sebelum terluput peluang dan sebelum tiba waktu yang tidak berguna lagi

dipohon kemaafan. Kini orang-orang kafir yang sedang berdiri di tepi Neraka itu memohon kemaafan, tetapi mereka tidak dipedulikan, malah mereka diberi jawapan yang memutuskan harapan mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَعْتَذِرُوا۟ ٱلْيَوْمَ ۖ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧﴾

"Wahai orang-orang yang kafir! Janganlah kamu meminta maaf pada hari ini. Sesungguhnya kamu hanya dibalas mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."(7)

Janganlah kamu meminta maaf, kerana hari ini bukannya hari meminta maaf, malah hari ini adalah hari menerima balasan terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan manusia dan kamu telah mengerjakan amalan-amalan yang dibalaskan dengan Neraka ini.

Bagaimana orang-orang Mu'min harus memelihara diri dan keluarga mereka dan Neraka? Di sini Al-Qur'an menerangkan jalan itu kepada mereka dan menggalakkan mereka dengan mengembangkan harapan di dalam hati mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ تُوبُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ يَوْمَ لَا يُخْزِى ٱللَّهُ ٱلنَّبِىَّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ ۖ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَٰنِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا وَٱغْفِرْ لَنَآ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha semoga Tuhan kamu menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai pada hari Allah tidak akan mengecewakan Nabi dan orang-orang yang beriman yang bersama-sama dengannya. Cahaya keimanan mereka menerangi di hadapan dan di kanan mereka, sedangkan mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah untuk kami cahaya keimanan kami dan ampunkan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(8)

Inilah jalan untuk menjauhi Neraka, iaitu taubat nasuha iaitu taubat yang membersihkan hati seseorang dan kemudian ia tidak menipu hatinya.

Taubat dari dosa dan maksiat dimulakan dengan penyesalan terhadap perbuatan itu, dan dengan amalan yang salih dan kepatuhan menjunjung perintah. Di waktu inilah taubat itu membersihkan hati seseorang dari segala keladak dan kekotoran maksiat dan menggalakkannya mengerjakan amalan-amalan yang salih. Inilah taubat nasuha iaitu taubat yang sentiasa menyedar dan mengingatkan hati seseorang supaya tidak lagi mengulangi maksiat itu. Inilah taubat yang dapat diharapkan dari Allah agar menghapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan memasukkan mereka ke dalam Syurga pada hari semua orang kafir mengalami kekecewaan dan kehampaan sebagaimana keadaan mereka telah ditayangkan dalam pemandangan yang lepas, dan pada hari itu Allah tidak akan mengecewakan Nabi dan orang-orang yang beriman yang bersama dengannya.

Ia merupakan satu galakan yang amat menarik dan satu penghormatan yang amat besar apabila Allah mengumpulkan orang-orang yang beriman bersama Nabi s.a.w. Ia menjadikan mereka sejajar dengan beliau menerima penghormatan dari Allah pada hari kehampaan dan kehinaan itu. Kemudian Allah jadikan untuk mereka cahaya yang berseri-seri:

يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَٰنِهِمْ

"Menerangi di hadapan dan di kanan mereka."(8)

Iaitu cahaya yang menjadi tanda pengenalan diri mereka pada hari Qiamat yang penuh sesak, yang amat kritikal dan amat menakutkan, cahaya yang menerangi mereka dalam kesesakan yang begitu kelam-kabut, cahaya yang menerangi di hadapan dan di kanan mereka dalam perjalanan menuju ke Syurga.

Dalam suasana yang penuh ketakutan dan ketegangan itu mereka diilhamkan berdo'a di hadapan Allah:

يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا وَٱغْفِرْ لَنَآ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

"Mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah untuk kami cahaya keimanan kami dan ampunkan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(8)

Do'a ini diilhamkan kepada mereka di sa'at semua lidah terkunci dan semua hati tidak bermaya. Itulah alamat do'a mereka diperkenankan kerana Allah itu tidak mengilhamkan do'a ini kepada orang-orang yang beriman melainkan sesudah diputuskan perencanaan-Nya bahawa Dia akan memperkenankan do'a itu. Jadi do'a di sa'at-sa'at ini merupakan satu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada mereka di samping ni'mat-ni'mat mendapat penghormatan dan cahaya.

Di manakah letaknya perbandingan di antara ni'mat-ni'mat ini dengan keseksaan Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu?

Pahala dan balasan kedua-duanya menggambarkan tanggungjawab seorang Mu'min dalam usaha memelihara dirinya dan keluarganya dari Neraka dan dalam usaha untuk membolehkan mereka mencapaikan ni'mat ini di dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai.

Dalam implikasi peristiwa yang berlaku di rumahtangga Rasulullah s.a.w. itu, kita dapat memahami maksud yang tersirat di sebalik ayat-ayat ini, iaitu setiap Mu'min dibebankan dengan tanggungjawab membimbing dan menghidayatkan keluarganya dan membetulkan rumahtangganya, di samping dibebankan dengan tanggungjawab memimpin dan mencari hidayat untuk dirinya sendiri dan membetulkan hatinya.

Islam agama keluarga sebagaimana Kami telah tegaskan di dalam Surah at-Talaq, kerana itu Islam menetapkan tanggungjawab di atas setiap orang Mu'min terhadap keluarganya dan menetapkan kewajipannya terhadap rumahtangganya. Rumahtangga seorang Muslim merupakan inti atau pusat kelompok Muslimin. Ia merupakan satu sel yang membentuk bersama sel-sel yang lain. Satu jisim yang hidup iaitu masyarakat Islam.

Rumahtangga seseorang Muslim merupakan sebuah kubu dari kubu-kubu 'aqidah Islam. Kerana itu kubu ini pastilah kukuh dan teguh dari dalam. Setiap orang dari anggota keluarganya harus berdiri mengawal setiap lubang kubu supaya kubu itu tidak mudah diserang musuh.

Kewajipan setiap Mu'min ialah mula-mulanya menghalakan da'wah kepada rumahtangganya dan keluarganya. Dia berkewajipan mengamankan kubu itu dari dalam dan berkewajipan menutupkan segala lubang-lubang kubu sebelum dia meninggalkan kubu itu untuk membawa da'wah ke tempat-tempat yang jauh.

Tugas ini juga pasti dipikulkan oleh ibu Muslimat, kerana bapa Muslim sahaja tidak cukup untuk mengamankan kubu itu, malah bapa dan ibu pastilah sama-sama mengawasi anak-anak mereka lelaki dan perempuan. Adalah sia-sia andainya ada lelaki yang mahu membangunkan masyarakat Islam dengan kaum lelaki sahaja, malah kaum ibu juga pasti turut membangunkan masyarakat itu, kerana merekalah yang menjaga tunas-tunas umat yang menjadi benih-benih dan buah-buah masa depan. Kerana itu Al-Qur'an diturunkan kepada lelaki dan perempuan, dan kerana itu juga Al-Qur'an mengaturkan rumahtangga dan menegakkannya di atas sistem hidup Islam, malah kerana itu juga Al-Qur'an meletakkan tanggungjawab terhadap keluarga di atas bahu kaum lelaki Mu'min di samping memikul tanggungjawab terhadap diri mereka sendiri:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَأَهۡلِيكُمۡ نَارٗا

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka."(6)

Inilah satu hakikat yang pasti difahami sebaik-baiknya oleh para penda'wah Islam. Usaha da'wah yang pertama hendaklah ditumpukan kepada rumahtangga, kepada isteri, kepada ibu-ibu, kepada anak-anak dan kepada keluarga umumnya. Perhatian yang berat hendaklah diberikan untuk membentuk ibu Muslimat bagi mewujudkan rumahtangga Muslim. Mereka yang hendak membangunkan sebuah rumahtangga Muslim hendaklah lebih dahulu mencari ibu Muslimat, jika tidak pembinaan kelompok Muslimin akan mengambil masa yang lama dan bangunan masyarakat Islam akan terus goyang dan banyak lubang-lubangnya.

Dalam angkatan kelompok Muslimin yang pertama (di zaman Rasulullah), tugas membangun rumahtangga Muslim adalah lebih mudah dari zaman kita sekarang. Di zaman itu sebuah masyarakat Islam telah ditegakkan di Madinah, di mana Islam menguasai seluruh kehidupannya dengan kefahamannya yang bersih dan murni terhadap kehidupan manusia. Ia menguasainya dengan undang-undang syari'atnya yang lahir dari kefahaman yang bersih itu. Ketika itu, yang menjadi sumber rujukan kepada kaum Muslimin lelaki dan perempuan ialah hukum Allah dan hukum Rasul-Nya. Apabila sesuatu hukum itu telah diturunkan Allah, maka itulah keputusan yang terakhir. Dengan wujudnya masyarakat Islam yang menguasai seluruh kehidupan dengan kefahaman-kefahaman dan tradisi-tradisinya, maka pembinaan rumahtangga Islam menjadi mudah kepada wanita Islam untuk membentukkan diri mereka mengikut kehendak Islam. Begitu juga mudah kepada lelaki Islam untuk menasihat isteri-isteri mereka dan mendidik anak-anak mereka mengikut cara hidup Islam.

Tetapi di zaman sekarang kita berada dalam satu keadaan yang berlainan, kita hidup di dalam keadaan jahiliyah, iaitu jahiliyah masyarakat, jahiliyah undang-undang, jahiliyah akhlak, jahiliyah adat resam, jahiliyah peraturan-peraturan, jahiliyah adat susila dan jahiliyah kebudayaan.

Wanita-wanita Islam di zaman itu terpaksa menghadapi dan membuat hubungan dengan masyarakat jahiliyah ini di mana pengaruhnya dan tekanannya begitu kuat dirasakan oleh mereka apabila mereka hendak menyambut bimbingan Islam sama ada diperolehi dengan usaha mereka sendiri atau dengan usaha bimbingan kaum lelaki mereka, iaitu suami-suami, saudara-saudara lelaki dan bapa-bapa mereka. Di zaman Rasulullah s.a.w., lelaki, perempuan dan masyarakat seluruhnya berhakimkan kepada satu kefahaman, satu hukum dan satu corak hidup sahaja, sedangkan di zaman ini kaum lelaki Muslim berhakimkan kepada satu kefahaman atau persepsi yang mujarrab yang tidak wujud di alam kenyataan, dan kaum wanita tertekan di bawah tekanan pengaruh masyarakat yang menentang kefahaman Islam dengan tentangan yang liar. Tidak syak lagi bahawa tekanan pengaruh masyarakat dan adat resam jahiliyah itu berganda-ganda lebih berat dirasakan oleh kaum wanita dari kaum lelaki.

Di zaman ini beban kewajipan kaum lelaki Islam telah berlipatganda lebih berat untuk berusaha

menyelamatkan diri mereka dari Neraka, dan setelah itu berusaha pula untuk menyelamatkan keluarga mereka yang sedang tertindih di bawah tekanan pengaruh dan tarikan jahiliyah yang hebat itu. Oleh itu, kaum lelaki Muslim hendaklah memahami kekuatan tekanan pengaruh jahiliyah yang berat itu supaya mereka dapat mencurahkan daya usaha mereka yang berlipat-ganda lebih banyak dari apa yang dicurahkan oleh kaum lelaki dalam masyarakat Islam yang pertama (di zaman Rasulullah), kerana itu wajiblah di atas lelaki yang mahu membangunkan rumahtangga Islam supaya lebih dahulu mencari isteri-isteri yang dapat menjaga kubu rumahtangga itu, iaitu isteri yang berfikir dengan berdasarkan sumber Islam yang sama dengan sumber pemikirannya, dan untuk mendapatkan isteri seperti ini dia terpaksa mengorbankan banyak perkara, iaitu mengorbankan kejelitaan palsu pada wanita, mengorbankan wanita cantik yang terdidik dalam rumahtangga yang fasiq, mengorbankan pandangan atau rupa paras lahir yang menarik pada wanita-wanita yang menjadi bangkai yang terapung dalam masyarakat. Ia terpaksa mengorbankan wanita-wanita itu untuk mencari wanita yang beragama yang dapat menolongnya untuk membangunkan sebuah rumahtangga Islam dan membina sebuah kubu Islam. Adalah menjadi kewajipan bapa-bapa Mu'min yang mahu mengembangkan kebangkitan semula Islam menyedari bahawa keluarga merekalah yang menjadi sel-sel hidup untuk kebangkitan ini dan menjadi amanah yang terletak di tangan mereka. Oleh itu, mereka wajib lebih dahulu melaksanakan tugas-tugas da'wah, pendidikan dan penyediaan kepada keluarga mereka sendiri sebelum melaksanakannya kepada orang lain. Mereka harus menyambut seruan Allah yang menyeru mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَأَهۡلِيكُمۡ نَارٗا

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka."(6)

Sehubungan dengan ini marilah kita kembali semula memperkatakan tentang tabi'at Islam yang memerlukan adanya kelompok Muslimin yang seluruh kehidupan mereka dikuasai oleh ajaran-ajaran Islam iaitu kelompok di mana kewujudan Islam di alam kenyataan terdapat dalam kehidupan mereka. Islam ini dapat ditegakkan di atas kelompok Muslim yang menjadikan Islam sebagai 'aqidah mereka, sebagai undang-undang dan peraturan mereka dan sebagai satu sistem hidup yang lengkap yang menjadi sumber segala kefahaman dan pemikiran mereka.

Kelompok Muslimin inilah merupakan wadah asuhan yang melindungi kefahaman Islam dan menyampaikannya kepada khalayak Muslimin dan melindunginya dari tekanan pengaruh masyarakat jahiliyah, di samping melindunginya dari gangguan dan penindasan.

Dari sini ternyatalah betapa perlu adanya kelompok Muslimin, di mana gadis-gadis dan wanita-wanita Islam dapat hidup dalam kelompok itu dan dapat berlindung dari tekanan pengaruh masyarakat jahiliyah di sekeliling mereka. Dengan ini perasaan mereka tidak lagi berbelah-bahagi di antara kehendak-kehendak kefahaman Islamiyah mereka dengan kehendak-kehendak tradisi-tradisi masyarakat jahiliyah yang menekankan mereka. Dan di sanalah pemuda Muslim mendapat kongsi hidup dalam kelompok Muslimin atau kubu Muslimin, dan dari kubu-kubu yang seperti inilah terbentuk-Nya khemah tentera Islam.

Kewujudan kelompok Muslim merupakan suatu keperluan bukannya suatu yang bersifat tambahan untuk bertugas menyampaikan kewajipan saling berpesan terhadap satu sama lain supaya berpegang teguh dengan 'aqidah Islam dan mendukung wawasannya, kod etikanya, peradaban-peradabannya dan seluruh kefahaman dan persepsinya, di mana mereka hidup dengannya dalam perhubungan di antara mereka dan berjuang mempertahankannya dan menyebarkannya dalam bentuk yang realistik yang dapat dilihat oleh mereka yang menerima da'wah dari masyarakat jahiliyah supaya mereka dapat keluar dari kegelapan kesesatan kepada cahaya hidayat sehingga Allah mengizinkan Islam menguasai seluruh kehidupan mereka di mana generasi-generasi mereka terdidik di bawah naungannya dan terselamat dari pengaruh jahiliyah yang menjalar di merata pelosok itu.

Untuk melindungi kelompok Muslimin angkatan pertama, Rasulullah s.a.w. telah diperintah memerangi musuh-musuhnya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ جَٰهِدِ ٱلۡكُفَّارَ وَٱلۡمُنَٰفِقِينَ وَٱغۡلُظۡ عَلَيۡهِمۡۚ وَمَأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمَصِيرُ ٩

"Wahai Nabi! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq dan bertindaklah dengan keras terhadap mereka. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(9)

Perintah ini mempunyai maksud dan nilai yang khusus selepas orang-orang Mu'min diperintah supaya memelihara diri mereka dan keluarga mereka dari api Neraka, dan supaya mereka bertaubat nasuha yang menghapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan memasukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Maksud dan nilai khusus dari perintah ini ialah untuk menunjukkan betapa perlunya bagi orang-orang yang beriman mengawal dan melindungi rumahtangga mereka sebagai wadah asuhan keluarga agar terselamat dari Neraka, dan jangan membiarkan unsur-unsur perosak yang zalim menyerang khemah Islam itu dari luar seperti yang dilakukan oleh orang-orang kafir, atau menyerang dari dalam sebagaimana yang dilakukan oleh kaum Munafiqin.

Ayat ini menggabungkan orang-orang yang kafir dengan orang-orang Munafiq untuk diperangi dan dikenakan tindakan kasar oleh Rasulullah s.a.w.

kerana kedua-dua golongan ini memainkan peranan yang sama dalam menggugatkan khemah Islam dan dalam menghancur dan memecahbelahkannya. Tindakan memerangi mereka merupakan jihad yang dapat memeliharakan diri dari api Neraka. Balasan mereka di dunia ialah menerima tindakan yang kasar dari Allah dan orang-orang Mu'min, dan balasan mereka di Akhirat ialah:

وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٩﴾

"Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(9)

Demikianlah dalam pusingan terdapat keselarasan di antara ayat-ayatnya dan arah-arah alirannya di samping keselarasannya dengan pusingan pertama dalam penjelasan surah.

******

Contoh Teladan Dari Tokoh-tokoh Wanita Dalam Sejarah

Kemudian tiba pula pusingan yang ketiga yang terakhir yang seolah-olah menyempurnakan pusingan ayat yang pertama apabila ia memperkatakan tentang perempuan-perempuan yang kafir yang hidup di rumahtangga nabi-nabi dan perempuan-perempuan yang beriman yang hidup di tengah-tengah orang-orang yang kafir:

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ كَفَرُوا امْرَأَتَ نُوحٍ وَامْرَأَتَ
لُوطٍ ۖ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَالِحَيْنِ
فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَقِيلَ
ادْخُلَا النَّارَ مَعَ الدَّاخِلِينَ ﴿١٠﴾
وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ آمَنُوا امْرَأَتَ
فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ ابْنِ لِي عِندَكَ بَيْتًا فِي
الْجَنَّةِ وَنَجِّنِي مِن فِرْعَوْنَ وَعَمَلِهِ وَنَجِّنِي مِنَ
الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿١١﴾
وَمَرْيَمَ ابْنَتَ عِمْرَانَ الَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا
فَنَفَخْنَا فِيهِ مِن رُّوحِنَا وَصَدَّقَتْ بِكَلِمَاتِ رَبِّهَا
وَكُتُبِهِ وَكَانَتْ مِنَ الْقَانِتِينَ ﴿١٢﴾

"Allah telah mengemukakan satu contoh perbandingan untuk orang-orang kafir iaitu contoh isteri Nuh dan isteri Lut, kedua-duanya berada di bawah jagaan dua orang hamba dari para hamba Kami yang salih, lalu kedua-duanya mengkhianati suami mereka masing-masing, dan kedua-dua suami itu tidak dapat memberi apa-apa pertolongan kepada mereka dari 'azab Allah, malah dikatakan kepada mereka: Masuklah kamu (ke dalam Neraka) bersama-sama mereka yang masuk itu(10). Dan Allah telah mengemukakan satu contoh perbandingan untuk orang-orang yang beriman iaitu contoh perempuan Fir'aun ketika dia berdo'a: Wahai Tuhanku! Binakanlah untukku sebuah rumah dalam Syurga dan selamatkanku dari Fir'aun dan perbuatan-perbuatannya dan selamatkanku dari kaum yang zalim (11). Dan Maryam puteri 'Imran (bonda Isa) yang telah memelihara kehormatannya, lalu Kami tiupkan ke dalam rahimnya roh dari ciptaan Kami. Dan dia telah mengakui kebenaran kalimah-kalimah Tuhannya dan kitab-kitab-Nya dan dia adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang ta'at."(12)

Pentafsiran yang ma'thur mengenai perbuatan khianat isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Lut ialah pengkhianatan mereka terhadap da'wah dan bukannya pengkhianatan dalam ertikata melakukan perbuatan yang sumbang. Isteri Nuh a.s. telah mempersenda-sendakan da'wahnya bersama-sama orang-orang kafir yang lain, dan isteri Nabi Lut a.s. pula telah menunjukkan kepada kaumnya tempat tetamu-tetamu Nabi Lut itu, sedangkan dia tahu maksud kaumnya yang keji terhadap tetamu-tetamunya itu.

Pentafsiran yang ma'thur mengenai perempuan Fir'aun pula ialah dia seorang Mu'minat yang hidup di istana Fir'aun. Mungkin dia seorang pengikut golongan Asiwiyah dari saki-baki orang-orang yang beriman dengan agama samawi sebelum Musa. Tersebut dalam sejarah bahawa ibu Maharaja Fir'aun Amen Hatep Yang Keempat yang menyatukan tuhan-tuhan di Mesir, dan melambangkan tuhan yang tunggal itu dengan bulatan matahari dan menamakan dirinya sebagai Ikhnatun, adalah seorang dari golongan Asiwiyah yang menganut agama yang bukan agama orang-orang Mesir. Allahlah yang lebih mengetahui sama ada ibu Maharaja Amen Hatep inikah yang dimaksudkan dalam ayat ini atau yang dimaksudkannya ialah isteri Fir'aun zaman Nabi Musa bukannya Fir'aun Amen Hatep ini.

Di sini kita tidak bermaksud menentukan kepastian sejarah siapakah yang dimaksudkan dengan perempuan Fir'aun itu, kerana apa yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an bukannya individu tetapi hakikat yang kekal yang asing dari individu kerana individu itu hanya merupakan contoh-contoh bagi hakikat itu sahaja. Apa yang hendak ditonjolkan oleh Al-Qur'an di sini ialah dasar tanggungjawab peribadi setelah dikemukakan perintah supaya menjaga diri sendiri dan keluarga dari api Neraka, begitu juga yang hendak ditegaskan Al-Qur'an di sini kepada isteri-isteri Nabi s.a.w. dan kepada isteri-isteri kaum Muslimin sekalian ialah mereka adalah bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri dan mereka tidak akan terlepas dari tanggungjawab itu dengan alasan

mereka isteri seorang nabi atau isteri seorang Islam yang salih. Lihatlah isteri Nuh dan isteri Lut:

كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَالِحَيْنِ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا وَقِيلَ ٱدْخُلَا ٱلنَّارَ مَعَ ٱلدَّاخِلِينَ ﴿١٠﴾

"Kedua-duanya berada di bawah jagaan dua orang hamba dari para hamba Kami yang salih, lalu kedua-duanya mengkhianati suami mereka masing-masing, dan kedua-dua suami itu tidak dapat memberi apa-apa pertolongan kepada mereka dari 'azab Allah, malah dikatakan kepada mereka: Masuklah kamu (ke dalam Neraka) bersama-sama mereka yang masuk itu."(10)

Tiada penghormatan dan tiada pertolongan dan syafa'at dalam masalah kekufuran dan pengkhianatan terhadap agama Allah walaupun kepada isteri-isteri para Anbia'.

Kemudian lihat pula kepada perempuan Fir'aun, walaupun dia hidup dalam taufan kekufuran di istana Fir'aun, namun semuanya tidak menghalanginya dari memohon keselamatan dari Allah dengan seorang dirinya. Dia telah berlepas diri dari istana Fir'aun dan memohon kepada Allah supaya mengurniakan kepadanya sebuah rumah di dalam Syurga, juga berlepas diri dari segala perbuatan Fir'aun kerana takut terlibat dengan mana-mana perbuatannya memandangkan kedudukan dirinya yang amat rapat dengan Fir'aun:

وَنَجِّنِي مِن فِرْعَوْنَ وَعَمَلِهِۦ

"Dan selamatkanku dari Fir'aun dan perbuatannya."(11)

Dan seterusnya dia berlepas diri dari kaum Fir'aun, di mana dia hidup dalam kalangan mereka:

وَنَجِّنِي مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّالِمِينَ ﴿١١﴾

"Dan selamatkanku dari kaum yang zalim."(11)

Do'a permaisuri Fir'aun dan sikapnya yang tegas merupakan satu contoh penolakan yang amat cemerlang terhadap kesenangan dan harta kekayaan hidup dunia sedangkan dia permaisuri Fir'aun sebesar-besar Maharaja dunia di zaman itu. Istana baginda merupakan sebuah kediaman yang paling lengkap dengan aneka keni'matan, dan di sinilah seorang permaisuri boleh mendapat apa sahaja yang diingininya. Tetapi dia menolak semuanya itu kerana keimanan. Dia bukan sahaja menolak kesenangan dan harta kekayaan dunia itu malah memandangnya sebagai kejahatan, kekotoran dan bala yang dipohon perlindungan dari Allah supaya dia terhindar darinya dan terlepas dari akibat-akibatnya yang buruk.

Dia merupakan seorang perempuan Mu'min yang tunggal dalam sebuah kerajaan yang luas dan kuat. Ini satu lagi kelebihannya yang besar, kerana perempuan sebagaimana telah diterangkan tadi lebih peka dengan tekanan pengaruh masyarakat jahiliyah dan pemikirannya, tetapi dia sanggup berdiri seorang diri di tengah-tengah tekanan pengaruh masyarakat jahiliyah, tekanan istana, tekanan Maharaja Fir'aun, tekanan pembesar-pembesar yang memagari Fir'aun dan tekanan martabat di raja itu. Di tengah-tengah tekanan ini semua, dia berdiri teguh seorang diri mengangkat kepalanya ke langit menghadapi gelombang kekufuran dan jahiliyah yang amat kuat.

Dia merupakan contoh yang luhur dari sifat ikhlas dan kebulatan hati terhadap Allah yang tidak dapat dipengaruhi oleh segala tekanan, segala hubungan, segala halangan dan segala bisikan, kerana itu dia wajar mendapat kehormatan diperingati dalam kitab Allah yang kekal abadi yang kalimat-kalimatnya bergema di merata pelusuk alam buana ketika di bawa turun oleh malaikat yang tertinggi.

وَمَرْيَمَ ٱبْنَتَ عِمْرَانَ ٱلَّتِيٓ أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا

"Dan Maryam puteri 'Imran (bonda Isa) yang telah memelihara kehormatannya."(12)

Dia juga merupakan contoh dari sifat ikhlas dan kebulatan hati kepada Allah sejak permulaan hidupnya yang telah diceritakan Allah di dalam surah-surah yang lain. Dia telah memelihara kehormatannya yang dapat membersihkan-Nya dari tuduhan-tuduhan curang yang dilemparkan kaum Yahudi yang jahat.

فَنَفَخْنَا فِيهِ مِن رُّوحِنَا

"Lalu Kami tiupkan di dalam rahimnya roh dari ciptaan Kami."(12)

Dan dari tiupan inilah terciptanya Isa a.s. sebagaimana diceritakan dengan terperinci di dalam Surah Maryam. Oleh itu, kami sengaja tidak menyebutkan cerita itu di sini kerana meraikan kehendak ayat ini yang bertujuan menerangkan kesucian Maryam, keimanan dan keta'atannya yang sempurna:

وَصَدَّقَتْ بِكَلِمَاتِ رَبِّهَا وَكُتُبِهِۦ وَكَانَتْ مِنَ ٱلْقَانِتِينَ ﴿١٢﴾

"Dan dia telah mengakui kebenaran Kalimat-kalimat Tuhannya dan kitab-kitab-Nya dan dia termasuk dalam golongan orang-orang yang ta'at."(12)

Al-Qur'an telah menyebut perempuan Fir'aun seorang sahaja di sini di samping Maryam puteri 'Imran. Ini menunjukkan dia mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah, kerana itu dia disebut bergandingan dengan Maryam. Kedua-duanya merupakan dua contoh wanita yang suci, beriman, percaya dan ta'at yang disebut oleh Allah untuk menjadi teladan kepada isteri-isteri Nabi s.a.w. sesuai dengan peristiwa yang telah berlaku yang menyebabkan turunnya ayat-ayat permulaan dari surah ini dan juga untuk menjadi contoh teladan kepada wanita-wanita Mu'minat di seluruh generasi.

******

Pada akhirnya surah ini dan juzu' ini semuanya merupakan sebahagian sirah Rasulullah yang hidup yang dilukiskan Al-Qur'an dengan uslubnya yang menarik dan saranan-saranan yang tidak dapat dilukiskan oleh sejarah-sejarah yang ditulis oleh manusia mengenai zaman itu. Penjelasan dan pengungkapan Al-Qur'an memberi saranan-saranan yang lebih banyak dan lebih mendalam. Al-Qur'an menggunakan peristiwa yang tunggal untuk menggambarkan hakikat abstrak yang kekal di sebalik peristiwa itu dan di sebalik zaman dan tempat itu. Itulah gaya cara Al-Qur'an.

Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Lapan

[Diiringi Jilid Yang Kesepuluh]